



**BAHAGIAN KEMAHIRAN DAN TEKNIKAL
MARA**

**PANDUAN GRADUASI
KONVOKESYEN PERDANA KKTm & IKM
2011**

1. Tarikh Majlis Konvokesyen

- 1.1 Majlis Konvokesyen Perdana KKTU & IKM 2011, akan diadakan di Pusat Konvokesyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada:-

Tarikh : 17, 18 dan 19 September 2011

Hari : Sabtu, Ahad dan Isnin (6 sesi)

Graduan boleh menyemak dari masa ke semasa mengenai sebarang maklumat Majlis Konvokesyen termasuk susunan graduan mengikut sesi dan program melalui laman web <http://www.ekemahiran.edu.my>.

2. Kehadiran Graduan

- 2.1 Sebagaimana termaktub dalam Acara Konvokesyen BKT, Diploma dan Sijil hendaklah biasanya dikurniakan hanya kepada graduan yang hadir di sesuatu Konvokesyen dengan syarat bahawa Senat boleh, dalam keadaan luar biasa, memutuskan supaya sesuatu Diploma dan Sijil dikurniakan tanpa hadir.
- 2.2 Graduan hendaklah mematuhi arahan kehadiran yang telah ditentukan mengikut sesi yang ditetapkan.
- 2.3 Graduan tidak dibenarkan menangguhkan Majlis Konvokesyen ataupun mewakilkan kepada orang lain bagi menghadiri Majlis Konvokesyen.

3. Yuran Graduan

- 3.1 Graduan diploma dan sijil yang akan menghadiri Majlis Konvokesyen adalah diwajibkan membayar yuran graduan sebanyak RM170.00
- 3.2 Graduan yang akan menghadiri Majlis Konvokesyen hendaklah menjelaskan yuran graduasi selewat-lewatnya pada:
- (a) **1 Mei 2011** bagi graduan yang tamat sesi **Julai-Disember 2009, Januari-Jun 2010** dan **Julai-Disember 2010**.
- (b) **1 Ogos 2011** bagi graduan yang tamat sesi **Januari-Jun 2011**
- 3.3 Kaedah pembayaran hendaklah menggunakan "**Wang tunai atau Wang Pos/Kiriman Wang Pos**" atas nama "**PENGARAH KKTU atau IKM**" mengikut pusat masing-masing.
- 3.4 Graduan yang tidak dapat menghadiri Majlis Konvokesyen, juga dikenakan bayaran sebanyak **RM50.00** dan mereka boleh membayar yuran graduasi pada bila-bila masa (waktu bekerja) di Kaunter Pelanggan KKTU dan IKM masing-masing.
- 3.5 Diploma/Sijil/Transkrip graduan hanya dikeluarkan selepas tarikh konvokesyen dan segala yuran termasuk yuran graduasi dan hutang tertunggak (jika ada) perlu dijelaskan terlebih dahulu.

4. Pinjaman dan Pemulangan Pakaian Konvokesyen.

- 4.1 Graduan hendaklah terlebih dahulu membayar yuran graduasi dan mendaftar di dalam portal alumni ekemahiran (www.ekemahiran.edu.my) sebelum membuat peminjaman Pakaian Konvokesyen.
- 4.2 Graduan adalah diminta mengemukakan resit bayaran atau keratan wang pos/kiriman wang pos dan slip pengesahan pendaftaran alumni sebagai bukti semasa meminjam Pakaian Konvokesyen kepada pegawai bertugas. Kegagalan graduan untuk berbuat demikian akan menyebabkan graduan tidak dibenarkan mengambil Pakaian Konvokesyen.
- 4.3 Pakaian Konvokesyen graduan Diploma yang akan menghadiri Majlis Konvokesyen hendaklah terdiri dari sehelai jubah, sehelai 'hood' (mengikut warna rasmi kluster) dan satu 'mortar board' (warna hitam).
- 4.4 Pakaian Konvokesyen bagi graduan Sijil akan menerima sehelai jubah dan sehelai 'hood' (mengikut warna rasmi kluster).
- 4.5 Graduan diminta memastikan:-
- (a) Pakaian Konvokesyen yang diterima berada dalam keadaan baik dan sempurna; dan
 - (b) Pakaian Konvokesyen adalah betul mengikut kluster masing-masing.
- 4.6 **Graduan tidak dibenarkan meminda/mengubahsuai mana-mana bahagian Pakaian Konvokesyen yang dipinjam.**
- 4.7 Urusan peminjaman dan pemulangan Pakaian Konvokesyen adalah bertempat di PICC seperti butiran berikut:-

Tarikh Konvokesyen	Sidang	Tarikh Pengambilan	Masa	Tarikh Pemulangan	Masa
17 Sept 2011	1	16 Sept 2011	8.00 pg – 3.00 ptg	17 Sept 2011	Sebelum jam 7.00 ptg
	2				
18 Sept 2011	3	17 Sept 2011	8.00 pg – 1.00 ptg	18 Sept 2011	Sebelum jam 7.00 ptg
	4		1.00 ptg – 5.00 ptg		
19 Sept 2011	5	18 Sept 2011	8.00 pg – 1.00 ptg	19 Sept 2011	Sebelum jam 7.00 ptg
	6		1.00 ptg – 5.00 ptg		

- 4.8 **Pihak BKT akan mengenakan bayaran (denda) terhadap mereka yang lewat memulangkan pakaian konvokesyen.**

Denda akan dikenakan selepas tarikh yang tersebut di atas (RM 10.00 hari pertama selepas tarikh akhir pemulangan dan ditambah RM 5.00 bagi setiap hari berikutnya). Bayaran denda hendaklah dibuat di Kaunter Pelanggan KOPERASI ALUMNI KEMAHIRAN MARA MALAYSIA BERHAD (KALAM), Lot 3.05,

Tingkat 2, Medan MARA, Jalan Raja Laut, 50609 Kuala Lumpur dan resit bayaran hendaklah dikemukakan semasa memulangkan pakaian konvokesyen.

- 4.9 Pihak pengurusan tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kerosakan atau kehilangan pakaian konvokesyen yang dipinjam oleh graduan.
- 4.10 Jika pakaian konvokesyen yang dipinjam itu rosak atau hilang, bayaran akan dikenakan dan diploma/sijil/transkrip tidak akan dikeluarkan sehingga bayaran tersebut dijelaskan. Kadar bayarannya adalah seperti berikut:-

	<u>JUBAH</u>	<u>HOOD</u>	<u>'MORTAR BOARD'</u>
Diploma	RM 300.00	RM50.00	RM 60.00
Sijil	RM 300.00	RM50.00	

5. Pakaian Semasa Menghadiri Majlis Konvokesyen

- 5.1 Graduan Diploma/Sijil yang menghadiri Majlis Konvokesyen hendaklah, dalam majlis itu, berpakaian seperti berikut (rujuk contoh di *Gambarajah 1*):-

Wanita

- Pakaian labuh hingga buku lali/skirt labuh, baju/blaus berlengan panjang dan lengkap menutup hingga ke leher dan Pakaian Konvokesyen.
- Warna pakaian adalah bebas.
- Bagi yang memakai tudung kepala, dicadangkan agar menggunakan tudung kepala warna cerah supaya mudah disesuaikan dengan warna 'hood' kluster masing-masing.
- Kasut sukan/selipar/kasut yang terbuka di belakang tidak dibenarkan.
- Skirt pendek atau seluar tidak dibenarkan.

Lelaki (Diploma)

- 'Lounge suit' (warna gelap) atau baju kebangsaan lengkap bersampin, kasut (warna gelap) dan Pakaian Konvokesyen.
- Seluar jeans dan seluar pendek tidak di benarkan.
- Kasut Sukan/Selipar/Sandal tidak dibenarkan.
- Potongan rambut perlulah pendek dan kemas.

Lelaki (Sijil)

- 'Lounge suit' (warna gelap) atau baju kebangsaan lengkap bersampin dan bersongkok (warna hitam), kasut (warna gelap) dan Pakaian Konvokesyen.
- Seluar jeans dan seluar pendek tidak di benarkan.
- Kasut Sukan/Selipar/Sandal tidak dibenarkan.
- Potongan rambut perlulah pendek dan kemas.

- 5.2 Majlis Konvokesyen ini adalah satu upacara rasmi. Graduan diingatkan supaya mematuhi peraturan pakaian seperti dinyatakan di atas. **Para graduan yang tidak mematuhi peraturan pakaian boleh hadir ke majlis tetapi tidak akan dibenarkan berarak atau naik ke pentas untuk upacara pengurniaan Diploma dan sijil.**

6. Taklimat dan Raptai

- 6.1 Sesi Taklimat dan Raptai Konvokesyen akan diadakan **pada 16 September 2011 jam 9.00 pagi-12.00 tgh** di PICC. Semua graduan sidang pertama dan kedua dikehendaki menghadiri taklimat dan raptai ini supaya lebih memahami acara yang akan dijalankan pada hari Konvokesyen nanti.
- 6.2 Graduan sidang 3, sidang 4, sidang 5 dan sidang 6 akan menyaksikan tayangan video istiadat konvokesyen sebagai persediaan perbarisan dan naik ke pentas sebelum upacara penganugerahan bermula.

7. Perarakan Graduan Pada Hari Konvokesyen

7.1 Sesi Pagi

Graduan yang hadir untuk sesi pagi hendaklah berkumpul di Dewan A PICC, selewat-lewatnya pada **jam 8.00 pagi**. Perarakan graduan akan bermula pada **jam 8.30 pagi**.

7.2 Sesi Petang

Graduan yang hadir untuk sesi petang hendaklah berkumpul di Dewan PICC selewat-lewatnya pada **jam 1.45 petang** hari tersebut. Perarakan graduan akan bermula pada **jam 2.10 petang**.

Surau disediakan di PICC memudahkan graduan muslim menunaikan solat.

- 7.3 Graduan diingatkan supaya berkumpul pada masa dan tempat yang ditetapkan untuk melancarkan perjalanan majlis, graduan juga diminta mematuhi arahan-arahan yang diberikan kelak oleh pegawai-pegawai bertugas.
- 7.4 Graduan yang lewat tidak dibenarkan masuk untuk menyertai Majlis Konvokesyen.
- 7.5 Graduan perlu mematuhi semua peraturan dan arahan dari pegawai petugas semasa majlis berlangsung.
- 7.6 Graduan dan tetamu graduan tidak dibenarkan meninggalkan dewan sehingga majlis selesai.

8. Peraturan Masuk Dewan Bagi Tetamu Graduan

- 8.1 Pakaian – Kebangsaan/"Lounge Suit"/Batik/Sopan.
- 8.2 Tetamu graduan boleh memasuki Dewan Planeri melalui pintu-pintu yang ditetapkan oleh pegawai petugas.

- 8.3 Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun, kamera, perakam video dan telefon bimbit **tidak dibenarkan** dibawa masuk ke dalam dewan semasa Majlis Konvokesyen dilangsungkan.

9. Cara Pengurniaan

- 9.1 Kedudukan barisan dan susunan graduan sepanjang majlis berlangsung akan ditentukan oleh pihak Jawatankuasa/Urusetia/Petugas.
- 9.2 Graduan akan menerima album masing-masing secara individu di atas pentas daripada Menteri KKLW atau Timbalan Menteri KKLW atau Pengerusi MARA atau Ketua Setiausaha KKLW atau Ketua Pengarah MARA.

10. Mengambil Skrol/Transkrip Diploma atau Sijil

- 10.1** Graduan boleh mengambil skrol/transkrip Diploma atau Sijil masing-masing sebaik sahaja sesi konvokesyen selesai tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan seperti di bawah :-
- (a) Graduan mestilah menunjukkan Borang Pendaftaran graduan sebagai bukti.
 - (b) Graduan yang masih berhutang dengan KKTU/IKM hendaklah menjelaskan hutang sebelum skrol/transkrip Diploma atau sijil dapat dikeluarkan. Sila kembalikan resit/surat pengesahan daripada pihak berkenaan yang menyatakan hutang telah dijelaskan.
 - (c) Sekiranya graduan tidak dapat datang mengambil sendiri skrol/transkrip Diploma atau Sijilnya, mereka boleh melantik seorang wakil untuk mengambil skrol/transkrip Diploma atau Sijil bagi pihak mereka. **Graduan hendaklah memberi surat kuasa yang sewajarnya kepada wakilnya. Surat kuasa hendaklah dialamatkan kepada pusat masing-masing dengan menyatakan nama dan nombor kad pengenalan wakil yang dilantik itu. Syarat-syarat di atas (a hingga c) juga perlu dipenuhi sebelum skrol/transkrip Diploma atau sijil diserahkan kepada wakil.**
 - (d) Pihak BKT tidak bertanggungjawab sekiranya skrol/transkrip yang dituntut oleh graduan/wakil graduan berkenaan hilang atau rosak.

KERJASAMA PARA GRADUAN MEMATUHI ATUR CARA DAN MAKLUMAT KONVOKESYEN INI ADALAH DIHARAPKAN BAGI MEMASTIKAN MAJLIS KONVOKESYEN PERDANA IKM/KKTU KALI PERTAMA BERJALAN DENGAN LANCAR.








Bahagian Kemahiran & Teknikal
MARA
Mei 2011



MAJLIS KONVOKESYEN PERDANA KKTM & IKM 2011

SUSUNAN GRADUAN MENGIKUT PROGRAM DAN SESI

SIDANG 1 (SABTU) 17 SEPTEMBER 2011 – PAGI	SIDANG 2 (SABTU) 17 SEPTEMBER 2011 – PETANG
PUSAT : KKTM PETALING JAYA PROGRAM : HND IN ELECTRONIC ENGINEERING	PUSAT PROGRAM
SIDANG 3 (AHAD) 18 SEPTEMBER – PAGI	SIDANG 4 (AHAD) 18 SEPTEMBER 2005 – PETANG
PUSAT PROGRAM	PUSAT PROGRAM

SENARAI TEMPAT PENGINAPAN BERHAMPIRAN PICC

 <p>RUMAH TETAMU UNIVERSITI Jalan Pongamia 3 Universiti Putra Malaysia 43400 UPM Serdang, Selangor. Tel : 603-89467967 (En. Ismail)</p>	 <p>RESIDENCE HOTEL® at Universiti Tenaga Nasional 7th km, Jalan Kajang-Puchong, 43009 Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia. Tel : (603) 8922 2088 / Fax: (603) 8922 2080 website : http://www.residenceatuniten.com/index.htm E-mail : reservation@residenceatuniten.com</p>
 <p>MARRIOTT PUTRAJAYA HOTEL IOI Resort 62502, Putrajaya Tel : 603-8949 8888 / Fax : 603-8949 8999 Website : http://www.marriotputrajaya.com E-mail : sales.hotel@marriotputrajaya.com</p>	 <p>PALM GARDEN HOTEL IOI Resort, 62502 Putrajaya, Malaysia Tel : (+603) 8943 2233 / Fax : (+603) 8943 1122 Website : http://www.palmgarden.com.my/ E-mail : palmgarden@palmgarden.com.my</p>
 <p>EQUATORIAL BANGI-PUTRAJAYA Off Persiaran Bandar 43650 Bandar Baru Bangi Selangor, Malaysia Tel: +60 3 8210 2222 / +60 3 8925 1111 Fax: +60 3 8210 2888 Email: info@bng.equatorial.com Web : http://www.equatorial.com/bng/</p>	 <p>CYBERVIEW LODGE RESORT & SPA Persiaran Multimedia 63000 Cyberjaya Selangor, Malaysia Tel: (603) 8312-7000 / Fax: (603) 8312-7001 Website : http://www.cyberview-lodge.com/ E-mail : hotline@cyberview-lodge.com.my</p>
 <p>PRESCOTT METRO INN</p> <p>HOTEL PRESSCOTT INN KAJANG Wisma Metro Kajang, Jalan Semenyih 43000 Kajang Tel: (60)3 8737 5555 Fax: (60)3 8737 6666 Email: reservation.pmik@vhmis.com</p>	 <p>PALACE OF THE GOLDEN HORSES</p> <p>PALACE OF THE GOLDEN HORSES Jalan Kuda Emas, The MINES Resort City, 43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan, Malaysia. Tel: 603 8943 2333 / Fax: 603 8943 2666 Website : http://pgh.mines.com.my/ E-mail : pgh@signature.countryheights.com.my</p>
 <p>HOTEL ORIENTAL CRYSTAL Lot 13, Jalan S10/13, Seksyen 10 Off Jalan Bukit, 43000 Kajang Tel: 603- 8739 1888 Fax: 603- 8739 1999 Email: reservation@orientalcrystalhotel.com</p>	 <p>THE MINES BEACH RESORT & SPA MINES Resort City , Jalan Dulang, 43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan, Malaysia. Tel: 603 8943 6688 / Fax: 603 8943 5555 Website: http://www.mbr.com.my E-mail : sales@mbr.mines.com.my</p>

 <p>HOTEL SHANGRI-LA Taman Putra Perdana Presint 1 62000 Wilayah Persekutuan Putrajaya, Malaysia T: (60 3) 8887 8888 F: (60 3) 8887 8889 Emel: mohd_azeri@yahoo.com</p>	 <p>DE PALMA INN SEPANG Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang 43900, Malaysia Tel: (603)87062020</p>
<p>INSTITUT LATIHAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN (ILKAP), JABATAN PERDANA MENTERI Lot 5, Persiaran Universiti, Seksyen 15, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan Tel: 03-89243400 Fax: 03-89261231, 03-89212424 (Bahagian Latihan), Laman Web: http://www.ilkap.gov.my, E-mel: ilkap@ilkap.gov.my</p>	<p>National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) Lot 1, Jalan 15/1, Section 15, 43650, Bandar Baru Bangi, Selangor Tel: 03-87692100 Fax: 03-89262900</p>
<p>INSTITUT PENILAIAN NEGARA No.5, Persiaran Institusi Bangi, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia. Telefon: 03 8925 9377 / 3 8925 9358 Email : webmaster@inspen.gov.my</p>	<p>PUSAT LATIHAN IKRAM 2nd Floor, Corporate Block, Unipark Suria (formerly known as Ikram Park), Jalan Ikram-Uniten (formerly known as Jalan Serdang-Kajang), 43000 Kajang, Selangor, Malaysia. Tel: 603-8738 3388 Fax: 603-8926 400</p>
<p>INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN SOSIAL KWSP (ESSET) Batu 18 1/2, Sungai Tangkas, Jalan Bangi 43000 Kajang Selangor Tel: 603-26946566 EXT: 2410 Fax: 603-26948433 Email: Email this training provider Website: http://www.kwsp.gov.my</p>	<p>HOTEL NEW CITY 16-117, Jln Bukit 43000 Kajang, Selangor Phone: 03-8733 3699</p>

PELAN LOKASI PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA (PICC)

